



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan pelbagai aktiviti sempena program "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" pada 22 April 2021. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membudayakan amalan membaca di kalangan warga UiTM Cawangan Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

1. "Secara SERENTAK di Seluruh Negara".
Seluruh warga UiTM Cawangan Melaka yang sedang membaca walau di mana sahaja dari jam 11:00 pagi sehingga 11:10 pagi di minta memuat naik gambar mereka ke dalam pautan yang diberi.
2. "Siapa CEPAT, Dia DAPAT".
Aktiviti yang melibatkan Kuiz Kahoot, Pertandingan Online Puzzle dan Pencarian Pantas Buku di Rak.
3. "Jom Baca Buku Bersama Untuk 10 Minit".
Aktiviti di mana gambar pengguna dan staf yang berada dalam perpustakaan akan diambil semasa suasana Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit ini berlangsung. Aktiviti pembacaan pelbagai jenis bahan bacaan ini telah dilaksanakan serentak oleh seluruh rakyat Malaysia bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi. 10 minit sahaja ini telah berjaya membudayakan amalan membaca dalam kalangan warga UiTM. Pengunjung turut menaikkan poster "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" sebagai tanda sokongan dalam menayakan sambutan program membaca ini.



4. "Masuk Perpustakaan, Pinjam Buku"
Aktiviti ini adalah program galakan kepada pengguna untuk meminjam buku di Perpustakaan. Peminjam bertuah akan di pilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan dan pemenang akan menerima hadiah istimewa dari PTARUCM.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua peserta dan pemenang yang telah turut serta dan memenangi hadiah dalam penyertaan aktiviti yang disediakan.

Adalah diharapkan program dan amalan murni 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit' ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.